



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“HUTANG: KEWAJIPAN MEMBAYAR DAN TANGGUNGJAWAB MENGURUS DENGAN BAIK”

1 Julai 2022 / 1 Zulhijjah 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعْمَةِ الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan ke hadrat Allah SWT; mentaati segala perintah dan menjauhi semua larangan Nya dengan ibadah yang istiqamah serta akhlak yang mulia. Mudah-mudahan kita dinaungi petunjuk Nya sepanjang perjalanan hayat di dunia ini. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk:

“Hutang: Kewajipan Membayar dan Tanggungjawab Mengurus Dengan Baik”

Berhutang kini menjadi suatu keperluan dalam sebahagian urusan hidup manusia untuk membiayai pembelian rumah, tanah, kenderaan, membiayai yuran pengajian, menjalankan perniagaan dan pelbagai keperluan lain. Islam tidak melarang umatnya berhutang untuk tujuan-tujuan yang memberikan manfaat dengan syarat hutang dijalankan mengikut syariat, bahkan dianjurkan perbuatan memberi hutang untuk membantu orang yang berada dalam kesulitan.

Hutang merupakan salah satu bentuk muamalah Islam; daripada segi bahasa hutang bermaksud tanggungan masa hadapan yang dipertanggungjawabkan ke atas seseorang. Islam telah menggariskan peraturan yang sempurna dalam menguruskan hutang sebagaimana firman Allah SWT:

¹ Memuji Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Takwa



﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدِينٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ فَلْيَكْتُبْ وَلْيُمْلِلِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا يَبْخَسْ مِنْهُ شَيْئًا...﴾

Bermaksud: “Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu melakukan muamalat secara hutang piutang untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar. Dan janganlah penulis menolak untuk menuliskannya sebagaimana Allah telah mengajarkan kepadanya, maka hendaklah dia menuliskan. Dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan dengan jelas dan hendaklah dia bertakwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah dia mengurangi sedikit pun daripada hutangnya.” (Surah al-Baqarah ayat 282)

Muslimin yang dimuliakan,

Laporan kaji selidik Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial Universiti Malaya pada tahun 2019, sebelum negara dilanda pandemik COVID-19; mencatatkan, majoriti rakyat Malaysia dibebani hutang, disebabkan perbelanjaan yang tidak terkawal dan melebihi pendapatan. Apa yang lebih membimbangkan, keadaan ini telah menyebabkan peningkatan orang yang diisytiharkan muflis; mendukacitakan sebahagian besar yang diisytihar muflis ialah golongan muda berumur di antara 25 hingga 44 tahun. Dilaporkan mereka yang muflis ini pada umumnya ialah orang-orang yang gagal mengawal perbelanjaan dan lemah menguruskan hutang. Pinjaman peribadi dan penggunaan kad kredit dibuat kerana mahu memperagakan gaya hidup mewah walaupun memiliki pendapatan yang kecil dan terbatas. Dilaporkan juga, ada dalam kalangan mereka yang memiliki lebih daripada satu kad kredit dan berbelanja dengan wang hutang.

Hutang adalah suatu janji yang telah dimeterai; menjadi kewajipan kepada orang yang berhutang untuk membayar atau memulangkan semula harta tersebut, dan haram hukumnya sekiranya orang yang berhutang ingkar untuk melunaskannya. Menjadi tanggungjawab orang yang ingin berhutang untuk memastikan bahawa dia berhutang bagi memenuhi sesuatu keperluan, dan bukannya untuk memenuhi selera dan hawa nafsu. Orang yang berhutang juga perlu menetapkan niat dan berikhtiar dengan bersungguh-sungguh untuk segera membayar hutangnya mengikut perjanjian.



Sesungguhnya setiap niat dan usaha yang baik akan dipermudahkan oleh Allah SWT. Nabi SAW bersabda:

مَنْ أَخَذَ أَمْوَالَ النَّاسِ يُرِيدُ أَدَاءَهَا أَدَّى اللَّهُ عَنْهُ وَمَنْ أَخَذَ يُرِيدُ إِتْلَافَهَا أَتْلَفَهُ اللَّهُ

Bermaksud: “Barang siapa yang meminjam harta orang lain dengan niat ingin mengembalikannya, Allah akan mengembalikan pinjaman itu, namun barang siapa yang meminjamnya dengan niat ingin merugikannya, Allah pun akan merugikannya.”

(Riwayat Bukhari, no 2387)

Muslimin yang dimuliakan

Terdapat dalam kalangan orang yang berhutang, ingkar, melengah atau meremehkan kewajipan melunaskan hutang. Sikap ini menggambarkan peribadi dan akhlak ciri-ciri orang munafik seperti tidak amanah, khianati janji, menipu dan melakukan kezaliman terhadap orang lain. Orang-orang yang lalai melunaskan hutang diberikan peringatan-peringatan berikut oleh Nabi SAW:

Pertama: Roh orang yang berhutang akan tergantung sehingga hutang itu diselesaikan.

Kedua: Orang yang tidak berniat melunasi hutang akan bertemu Allah sebagai seorang pencuri.

Ketiga: Orang yang berhutang akan rugi sekiranya dia berhutang dengan niat untuk merugikan orang lain.

Keempat: Baginda tidak melakukan solat terhadap orang yang didapati mati dalam keadaan masih mempunyai hutang.

Kelima: Orang yang sengaja menangguhkan bayaran hutang ketika dia mampu, dianggap telah melakukan kezaliman.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Orang yang berhutang perlu menguatkan azam dan usaha untuk memastikan hutang dapat dibayar mengikut waktu yang ditetapkan. Orang yang berhutang wajib memaklumkan kepada ahli waris agar hutangnya dibayar sekiranya dia meninggal dunia; kerana sesungguhnya dosa hutang tidak akan diampunkan Allah selagi tidak dijelaskan sekalipun dia mati syahid. Nabi SAW bersabda:



يُغْفَرُ لِلشَّهِيدِ كُلِّ ذَنْبٍ إِلَّا الدَّيْنَ

Bermaksud: Diampunkan semua dosa bagi orang mati yang terkorban syahid kecuali jika ia mempunyai hutang (kepada manusia). (Riwayat Muslim)

Mimbar menyeru Muslimin agar mengambil berat dalam hal-hal berkaitan hutang. Mimbar menasihatkan para peminjam tabung pendidikan seperti PTPTN, Yayasan Perak, MARA dan lain-lain, untuk berikhtiar sedaya mungkin membayar semula pinjaman pelajaran mereka, agar rezeki mereka diberkati. Insaflah, adik-adik kita yang telah mendapat tempat untuk menyambung pengajian, pada hari ini sangat memerlukan pinjaman dari tabung-tabung pinjaman pendidikan. Pelajar-pelajar selepas kita, akan menjadi mangsa, jika dana tabung-tabung pendidikan pelajaran telah kering, kerana peminjam terdahulu mengambil sikap tidak mahu membayar pinjaman. Sentiasa beringat dan berwaspada ketika berbelanja, dan jauhi diri daripada terperangkap dengan beban hutang yang melampau. Beban hutang yang melampau akan mendorong kepada kerosakan akhlak, menjerumus manusia bersifat menipu, mencuri, menyeleweng, pecah amanah dan mengambil rasuah. Ambillah langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan diri terjebak terpaksa menggalas beban hutang yang berat, berpandukan peringatan-peringatan berikut:

Pertama: Berhutang hanya untuk membiayai perkara-perkara yang sangat diperlukan dan memberikan manfaat, seperti hartanah, rumah, kenderaan, pengajian dan modal perniagaan.

Kedua: Jumlah hutang hendaklah bersandarkan kemampuan untuk membayar semula.

Ketiga: Jangan berhutang untuk memenuhi kehendak hawa nafsu, seperti membeli benda-benda baru dalam keadaan barang sedia ada masih elok.

Keempat: Membuat pinjaman secara patuh syariah dan jauhi pinjaman yang mengandungi unsur riba dan gharar.

Kelima: Elakkan pembelian dengan menggunakan kad kredit, sebaliknya amalkan pembelian secara tunai.

Keenam: Mengutamakan pembayaran hutang dalam menguruskan perbelanjaan bulanan.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah. Banyakkan berselawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



وَالْحِكْمَةَ، وَتَثْبِثَهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ اكْفِنَا بِجَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ وَأَغْنِنَا
بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, berkatilah mereka yang membantu urusan hamba Mu dengan memberikan pinjaman hutang dan memudahkan orang yang berhutang untuk melunaskannya. Berkatilah rezeki kami agar dengannya dapat kami berbakti kepada mereka yang memerlukan.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.